

01 DEC 2002

Langkawi-Mutiara

LANGKAWI IBARAT MUTIARA: KATA SYED RAZAK

LANGKAWI 1 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menganggap Langkawi sebagai sebuah mutiara yang sentiasa mendapat perhatian apabila pelbagai projek dilaksanakan di sini untuk faedah penduduk.

Katanya pelbagai projek diwujudkan untuk memajukan sektor pelancongan yang menjadi nadi penggerak ekonomi pulau ini demi faedah penduduknya seperti projek kereta kabel dan pelbagai kemudahan lain termasuk jalan raya yang selesa.

Oleh itu, penduduk Langkawi harus berusaha memastikan kedudukan itu dapat dikekalkan, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan elaun berjumlah RM59,400 kepada pengerusi dan Setiausaha JKKK Daerah Langkawi di sini hari ini.

Seramai 132 pengerusi dan setiausaha JKKK masing-masing menerima elaun antara RM600 dan RM300 seorang untuk sesi Jun 2001 hingga Jun 2002.

Beliau berkata penduduk Langkawi harus berbangga kerana pulau ini diberi perhatian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga mampu menempa nama sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Untuk mengekalkan kedudukan seperti yang dinikmati Langkawi pada masa ini, peranan anggota JKKK tidak kurang penting dengan menjadi "mata dan telinga" kerajaan dalam memberi maklumat mengenai pelbagai perkara berkaitan kampung masing-masing.

"Kita menghargai peranan itu dan pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian dengan memberi beberapa insentif kepada JKKK termasuk membayar elaun kepada pengerusi dan setiausaha serta hadiah menunaikan haji", katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap JKKK Kedah Datuk Mohamed Hassan Bulat berkata kerajaan memperuntukkan RM1.4 juta untuk membayar elaun JKKK di seluruh negeri Kedah.

Katanya bayaran itu membabitkan kenaikan seratus peratus berbanding sebelum ini Pengerusi dan setiausaha masing-masing menerima RM300 dan RM150.

Jawatankuasa JKKK Kedah TURUT mencadangkan kerajaan negeri supaya pembayaran elaun itu dibuat pada setiap menjelang hari raya bagi meringankan bebanan mereka, katanya.

-- BERNAMA

ZI NH LAT